

# Kedai Buku UMS perluas ilmu daripada penyelidik

UB 16.8.2017 B3

Oleh JAINUDIN NASIR

**KEDAI** Buku Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kini menghimpun lebih 2,000 buku di kampus induknya berperanan memperluaskan ilmu daripada para penyelidik universiti itu.

Ia sekali gus mengekalkan kecemerlangan penerbitan kedai buku itu yang mula beroperasi pada 20 Oktober 2015 di Anjung Siswa bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP).

Warga UMS tidak kira pensyarah atau kakitangan bukan mengajar berpeluang menerbitkan buku bersama UMS seperti terkandung dalam

Dasar Penerbitan Ilmiah universiti itu berdasarkan prosedur tertentu sebelum diluluskan.

Pegawai Penerbitan (Pemasaran) UMS Anicius Justin Adeh memberitahu, Penerbit UMS telah melancarkan Kedai Buku Online bagi memudahkan tempahan dari seluruh negara secara online melalui laman sesawang <https://bookstore.ums.edu.my>.

Menurut beliau, Penerbit UMS telah dipilih menerima salah satu daripada anugerah utama iaitu, Anugerah Perdana Penerbit Terbaik (Agensi Kerajaan) sempena majlis Anugerah Buku Negara anjuran Yayasan Pembangunan Buku

Negara dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perpustakaan Negara pada 26 November 2015.

“Anugerah itu telah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

“Pemborong, pengedar atau kedai buku yang berminat untuk menjadi wakil jualan dialu-alukan untuk berhubung terus dengan pihak kami,” katanya.

Beliau berkata Kedai Buku Penerbit UMS dibuka dari hari Isnin hingga Jumaat bemula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.



**ANICIUS** (dua kiri) memperlihatkan antara buku terbitan UMS.